

SMART SCHOOL QUALIFICATION STANDARDS (SSQS) 3.1

PANDUAN KEPADA RESPONDEN

KATEGORI: GURU PENYELARAS BESTARI / GURU PENYELARAS ICT

BIL.	INDIKATOR	SOALAN	PENERANGAN	STRATEGI PELAKSANAAN	SOALAN VERIFIKASI	DOKUMEN RUJUKAN / EVIDENS
KLUSTER A: PEMBANGUNAN PROFESIONAL						
1	A1: Kompetensi ICT dari sudut konsep dan operasi teknologi	Nyatakan kebolehan serta kemahiran ICT anda.		Strategi 1: Pentadbir / GPM / GPB / GPICT / Guru mengemaskini kemahiran ICT dari semasa ke semasa. Strategi 2: Pentadbir menjadi suri teladan (role model) dalam pengurusan sekolah dan PdP dan PdT.		
		i. Saya boleh menggunakan peralatan ICT.	Responden boleh menggunakan peralatan ICT seperti komputer secara asas, menyambungkan projektor kepada komputer, menggunakan pencetak, pengimbas dan lain-lain.		1. Bolehkah anda menggunakan peralatan ICT? Nyatakan contoh peralatan ICT yang anda gunakan. 2. Menggunakan skala 1 - 5, nyatakan kemahiran anda menggunakan peralatan ICT.	1. Demonstrasi penggunaan peralatan ICT 2. Penerangan berkaitan kemahiran menggunakan peralatan ICT
		ii. Saya boleh menggunakan perisian pengurusan pejabat untuk merekod, melapor dan membentangkan hasil kerja.	Responden boleh menggunakan perisian pemrosesan kata, hamparan elektronik, aplikasi persembahan dan lain-lain. (Contoh: Microsoft Office, Open Office, dll.)		1. Apakah perisian pengurusan pejabat yang sering anda gunakan? 2. Menggunakan skala 1 - 5, nyatakan kemahiran anda menggunakan perisian pejabat dalam melaksanakan tugas harian.	1. Demonstrasi penggunaan pengurusan pejabat. 2. Demonstrasi hasil kerja yang menggunakan perisian pengurusan pejabat. 3. Penerangan berkaitan kemahiran menggunakan perisian pengurusan pejabat.
		iii. Saya boleh menyelenggara dan menyelesaikan masalah	Responden boleh mengenal pasti penyelenggaraan dan		1. Apakah langkah-langkah yang anda ambil sekiranya komputer	1. Pembuktian melalui penerangan berkaitan

BIL.	INDIKATOR	SOALAN	PENERANGAN	STRATEGI PELAKSANAAN	SOALAN VERIFIKASI	DOKUMEN RUJUKAN / EVIDENS
			<p>asas kegagalan peralatan ICT.</p> <p>penyelesaian masalah asas kegagalan peralatan ICT. (Contoh: komputer, projektor, pencetak, peranti komunikasi, pengimbas, dll.)</p>		<p>anda (atau projektor, pencetak, peranti komunikasi, pengimbas, dll.) gagal berfungsi?</p>	<p>kemahiran menyelenggara dan menyelesaikan masalah asas kegagalan peralatan ICT.</p> <p>2. Demonstrasi penyelenggaraan dan penyelesaian masalah asas kegagalan peralatan ICT.</p>
		iv. Saya boleh menggunakan bahan digital dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP).	Responden boleh menggunakan bahan digital dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). (Contoh: VLE, eduWebTV, YouTube, courseware, e-Bahan dan / atau bahan digital lain)		<p>1. Sebagai guru yang terlatih, nyatakan bahan digital yang sering anda gunakan bagi meningkatkan kualiti PdP?</p> <p>2. Apakah pandangan ada berhubung penggunaan bahan digital dalam PdP?</p>	<p>1. Demonstrasi penggunaan bahan digital dalam PdP.</p> <p>2. Penerangan berkaitan kemahiran menggunakan bahan digital dalam PdP.</p>
		v. Saya boleh menguruskan data dan maklumat dengan menggunakan aplikasi yang bersesuaian.	Responden boleh menggunakan perisian yang sesuai untuk menguruskan data dan maklumat. (Contoh: Perisian hamparan elektronik seperti Microsoft Excel, Microsoft Access atau Google Sheet untuk menganalisis maklumat peperiksaan)		<p>1. Bolehkah anda menguruskan data dan maklumat menggunakan perisian yang bersesuaian? Contohnya, membuat analisis keputusan ujian / peperiksaan bagi kelas yang anda ajar.</p> <p>2. Menggunakan skala 1 - 5, nyatakan kemahiran anda menguruskan data dan maklumat menggunakan perisian yang bersesuaian.</p>	<p>1. Penerangan berkaitan kemahiran mengurus data dan maklumat menggunakan aplikasi yang bersesuaian.</p> <p>2. Demonstrasi pengurusan data dan maklumat melalui hasil kerja. (Contoh: Analisis Keputusan Ujian / Peperiksaan bagi kelas yang diajar.)</p>
2	A2: Kompetensi ICT dari sudut pedagogi	Nyatakan kebolehan serta kemahiran pedagogi anda.		Strategi 1: Pentadbir / GPM / GPB / GPICT / Guru mengemaskini kemahiran pedagogi dari semasa ke semasa.		
		i. Saya boleh merancang PdP dengan menggunakan ICT.	Responden berkemahiran untuk merancang PdP yang mengintegrasikan ICT dalam		<p>1. Bolehkah anda tunjukkan perancangan PdP yang</p>	<p>1. Semakan Rancangan Pelajaran Harian</p>

BIL.	INDIKATOR	SOALAN	PENERANGAN	STRATEGI PELAKSANAAN	SOALAN VERIFIKASI	DOKUMEN RUJUKAN / EVIDENS
			dalam rancangan pelajaran.	Strategi 2: Pentadbir menggalakkan guru menggunakan ICT dalam PdP.	<p>mengintegrasikan ICT?</p> <p>2. Nyatakan contoh-contoh perancangan PdP yang mengintegrasikan ICT.</p> <p>3. Apakah faktor-faktor utama yang menjadi perhatian anda semasa merancang PdP yang mengintegrasikan ICT?</p>	2. Hasil Tugas murid yang mengintegrasikan ICT
	ii.	Saya boleh menggunakan ICT untuk mengumpul dan menyampaikan maklumat.	Responden berkemahiran untuk mencari, mengumpul, menyimpan dan menyampaikan maklumat menggunakan ICT		<p>1. Bagaimanakah anda mengumpul dan menyampaikan maklumat menggunakan ICT?</p> <p>2. Nyatakan contoh perisian yang ada gunakan untuk mengumpul maklumat.</p> <p>3. Nyatakan contoh alatan penyimpanan maklumat (contoh: USB drive, Cloud, Hard Disk)</p> <p>4. Nyatakan contoh perisian yang anda gunakan untuk menyampaikan maklumat.</p>	<p>1. Penerangan berkaitan kemahiran pengumpulan dan penyampaian maklumat menggunakan ICT</p> <p>2. Kemukakan evidens</p> <p>3. Semakan Rancangan Pelajaran Harian</p>
	iii.	Saya boleh mengintegrasikan ICT dalam PdP.	Responden berkemahiran untuk mengguna dan meintegrasikan pelbagai peralatan dan perisian ICT dalam PdP		<p>1. Bagaimanakah peralatan dan perisian ICT membantu anda dalam pelaksanaan PdP?</p> <p>2. Nyatakan contoh perisian yang anda gunakan untuk mengintegrasikan ICT dalam PdP?</p> <p>3. Nyatakan contoh peralatan yang anda gunakan untuk mengintegrasikan ICT dalam PdP</p>	<p>1. Penerangan berkaitan pengintegrasian ICT dalam PdP</p> <p>2. Kemukakan evidens</p> <p>3. Semakan Rancangan Pelajaran Harian</p>
	iv.	Saya boleh membuat refleksi terhadap pengintegrasian ICT dalam PdP bagi	Responden berkemahiran untuk menilai dan membuat analisis keberkesanan bagi		<p>1. Sejauh mana keberkesanan pengintegrasian ICT dalam PdP anda?</p>	1. Penerangan berkaitan pengintegrasian ICT dalam PdP

BIL.	INDIKATOR	SOALAN	PENERANGAN	STRATEGI PELAKSANAAN	SOALAN VERIFIKASI	DOKUMEN RUJUKAN / EVIDENS
		menambah baik PdP.	menambah baik PdP		2. Terangkan contoh pengintegrasian ICT dalam PdP yang berkesan	2. Kemukakan evidens 3. Semakan Rancangan Pelajaran Harian
		v. Saya boleh menggunakan ICT untuk melaksanakan pentaksiran dan penilaian (contoh: penilaian tugas murid dalam VLE, merekod markah ujian / peperiksaan murid menggunakan hamparan elektronik seperti Microsoft Excel atau Google Sheet.	Responden berkemahiran untuk menilai pencapaian murid menggunakan ICT		1. Nyatakan contoh pentaksiran dan penilaian berasaskan ICT yang anda gunakan. 2. Nyatakan perisian yang anda gunakan untuk pentaksiran dan penilaian	1. Penerangan berkaitan pelaksanaan pentaksiran dan penilaian menggunakan ICT 2. Kemukakan evidens
3.	A3: Kompetensi ICT dari sudut profesional	Nyatakan kebolehan serta kemahiran profesional anda.		Strategi 1: Pentadbir / GPM / GPB / GPICT / Guru mengemaskini kemahiran profesional dari semasa ke semasa. Strategi 2: Pentadbir menggalakkan guru meningkatkan kemahiran profesional dan mengaplikasinya dalam tugas harian.		
		i. Saya boleh meningkatkan kemahiran ICT melalui pembelajaran sendiri.	Responden berkemahiran untuk meningkatkan kompetensi ICT melalui pembelajaran secara akses sendiri, terarah sendiri pada kadar sendiri		1. Bagaimanakah anda boleh meningkatkan kemahiran ICT anda melalui pembelajaran sendiri? 2. Apakah topik-topik yang telah anda pelajari secara sendiri? 3. Nyatakan platform yang anda gunakan dalam pembelajaran sendiri?	1. Penerangan berkaitan pembelajaran sendiri 2. Kemukakan evidens 3. Sijil-sijil latihan
		ii. Saya boleh mengadaptasikan teknologi terkini dalam melaksanakan tugas harian.	Responden berkemahiran untuk menyesuaikan teknologi dalam pelaksanaan tugas harian berdasarkan perubahan persekitaran		1. Bagaimanakah anda menyesuaikan diri dengan penggunaan teknologi terkini bagi membantu pelaksanaan tugas harian? 2. Nyatakan perbandingan teknologi sekarang berbanding 5 tahun lepas.	1. Penerangan berkaitan adaptasi teknologi terkini 2. Kemukakan evidens
		iii. Saya menyertai komuniti	Responden menyertai		1. Adakah anda menyertai mana-	1. Keahlian dalam komuniti

BIL.	INDIKATOR	SOALAN	PENERANGAN	STRATEGI PELAKSANAAN	SOALAN VERIFIKASI	DOKUMEN RUJUKAN / EVIDENS
		pakar dan / atau profesional (contoh: <i>Communities of Practice</i> (COP) atau <i>Professional Learning Community</i> (PLC) menggunakan platform ICT untuk menambahkan pengetahuan dan pengalaman untuk meningkatkan PdP.	kumpulan pakar dan / atau profesional samada dalam dan luar negara untuk meningkatkan PdP menggunakan platform ICT.		<p>mana kumpulan pakar atau profesional untuk menambahkan pengetahuan dan pengalaman bagi meningkatkan keberkesanan PdP?</p> <p>2. Nyatakan satu kumpulan pakar atau profesional yang menyokong anda untuk meningkatkan PdP.</p> <p>3. Bagaimanakah kumpulan pakar atau profesional yang anda sertai membantu untuk meningkatkan PdP.</p>	<p>pakar atau profesional yang disertai</p> <p>2. Perkongsian maklumat atau bahan</p>
		iv. Saya berupaya melaksanakan kajian dengan menggunakan ICT bagi meningkatkan kualiti PdP.	Responden berkemahiran menggunakan ICT bagi melaksanakan kajian untuk meningkatkan keberkesanan PdP.		<p>1. Nyatakan kajian yang pernah anda laksanakan menggunakan ICT.</p> <p>2. Nyatakan contoh peralatan / perisian ICT yang anda menggunakan bagi melaksanakan kajian tersebut.</p>	<p>1. Penerangan berkaitan perisian ICT yang digunakan bagi melaksanakan kajian.</p> <p>2. Evidens / Kajian yang telah dilaksanakan menggunakan ICT.</p>
		v. Saya menggunakan ICT untuk berkongsi hasil kajian / tip / pengalaman berkenaan kaedah PdP.	Resoponden berkongsi pengetahuan berkenaan kaedah PdP dengan menggunakan ICT.		<p>1. Bagaimanakah anda berkongsi pengetahuan berkenaan kaedah PdP?</p>	<p>1. Penerangan berkaitan perkongsian pengetahuan berkenaan kaedah PdP menggunakan ICT</p> <p>2. Dokumentasi / sijil penyertaan dalam persidangan / seminar / bengkel</p> <p>3. Dokumen / hasil kajian</p>
		vi. Saya menyampaikan kajian / tip / pengalaman berkenaan kaedah PdP dalam persidangan / seminar / bengkel dan sesi	Responden menyampaikan pengetahuan berkenaan kaedah PdP dalam persidangan / seminar / bengkel dan sesi latihan.		<p>1. Bagaimanakah anda berkongsi pengetahuan berkenaan kaedah PdP?</p>	<p>1. Rekod dalam sistem e-SPLG</p> <p>2. Dokumentasi / sijil penyertaan dalam persidangan / seminar /</p>

BIL.	INDIKATOR	SOALAN		PENERANGAN	STRATEGI PELAKSANAAN	SOALAN VERIFIKASI	DOKUMEN RUJUKAN / EVIDENS
			latihan.				bengkel 3. Dokumen / hasil kajian
4.	A4: Kompetensi ICT dari sudut sosial, etika dan keselamatan siber	Nyatakan kebolehan serta kemahiran sosial, etika dan keselamatan siber anda.			Strategi 1: Pentadbir / GPM / GPB / GPICT / Guru mengemaskini kemahiran sosial, etika dan keselamatan siber dari semasa ke semasa. Strategi 2: Pentadbir menggalakkan guru mengamalkan kemahiran sosial, etika dan keselamatan siber. Strategi 3: Pentadbir menjadi suri teladan (role model) dalam pengurusan keselamatan siber sekolah.		
i.		Saya boleh mengenal pasti, menilai dan memilih sumber atas talian yang boleh dipercayai untuk kegunaan sendiri.	Responden berkemahiran untuk mengenalpasti, menilai dan memilih sumber atas talian yang boleh dipercayai	1. Bagaimanakah anda mengenalpasti, menilai dan memilih sumber yang dipercayai? 2. Berikan contoh sumber yang boleh dipercayai yang telah anda gunakan		1. Penerangan berkaitan sumber atas talian yang boleh dipercayai 2. Evidens: Sumber atas talian yang telah digunakan	
ii.		Saya boleh mengenal pasti, menilai dan memilih sumber atas talian yang boleh dipercayai untuk dikongsi.	Responden berkemahiran untuk menjelaskan serta memberi contoh sumber atas talian yang boleh dipercayai	1. Bagaimanakah anda mengenalpasti, menilai dan memilih sumber yang dipercayai? 2. Berikan contoh sumber yang boleh dipercayai yang telah anda kongsi		1. Penerangan berkaitan sumber atas talian yang boleh dipercayai 2. Evidens: Sumber atas talian yang telah dikongsi	
iii.		Saya memahami tingkah laku etika dan implikasi undang-undang dalam penggunaan ICT.	Responden mempunyai kesedaran tentang keselamatan ICT, menggunakan ICT secara beretika serta memahami undang-undang berkaitan ICT serta implikasinya.	1. Adakah anda tahu etika penggunaan ICT termasuk media sosial? 2. Nyatakan etika penggunaan ICT termasuk media sosial yang anda tahu. 3. Nyatakan implikasi undang-undang sekiranya seseorang menyebarkan maklumat palsu melalui media sosial.		1. Penerangan berkaitan etika penggunaan ICT termasuk media sosial.	
iv.		Saya boleh mengenal pasti dan mengurus risiko berkenaan penggunaan ICT	Responden mengetahui pengurusan risiko berkaitan penggunaan ICT.	1. Nyatakan contoh-contoh risiko dalam penggunaan ICT 2. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil semasa membuat		1. Penerangan mengenai contoh-contoh risiko (kecurian identiti, penipuan atas talian, buli siber, ketagihan siber,	

BIL.	INDIKATOR	SOALAN		PENERANGAN	STRATEGI PELAKSANAAN	SOALAN VERIFIKASI	DOKUMEN RUJUKAN / EVIDENS
						transaksi atas talian?	spam, memancing data (<i>phishing</i>), dll.)
		v.	Saya boleh menyampaikan maklumat berkaitan penggunaan ICT yang selamat dan beretika.	Responden boleh memberi penerangan dan membuat huraian dengan jelas berkaitan penggunaan ICT yang selamat dan beretika.		1. Terangkan maksud penggunaan ICT yang selamat dan beretika.	1. Penerangan berkaitan penggunaan ICT yang selamat dan beretika. 2. Evidens: Slaid pembentangan / dokumen berkaitan penggunaan ICT yang selamat dan beretika.
5.	A5: Kompetensi sebagai GPB / GPICT	Nyatakan kemahiran profesional sebagai GPB / GPICT yang bersesuaian dengan anda.			Strategi 1: GPB / GPICT menghadiri sesi pembangunan profesionalisme yang bersesuaian. Strategi 2: GPB / GPICT berkongsi pengetahuan, idea dan kemahiran dengan rakan sejawat dan agensi berkaitan. Strategi 3: Pentadbir menggalakkan GPB / GPICT menghadiri sesi pembangunan profesionalisme yang bersesuaian.		
	i.	Saya boleh memerihalkan bidang pengurusan ICT dalam Pendidikan.	Responden boleh menerangkan mengenai bidang pengurusan ICT dalam pendidikan.	1. Terangkan konsep ICT dalam pendidikan. 2. Apakah kepentingan ICT dalam pendidikan dalam PdP? 3. Apakah peranan anda sebagai GPB dalam pengurusan ICT dalam pendidikan?		1. Perincian Tugas Guru Pembestarian 2. Fail Meja 3. Fail kuasa 4. Penerangan mengenai bidang pengurusan ICT dalam pendidikan.	
	ii.	Saya boleh memanfaatkan pengetahuan ICT untuk meningkatkan kualiti kerja.	Responden mempunyai kemahiran ICT dan memanfaatkannya untuk meningkatkan kecekapan hasil kerja.	1. Menggunakan skala 1-5, nyatakan kemahiran ICT anda. 2. Bagaimanakah kemahiran ICT anda membantu dalam meningkatkan hasil kerja?		1. Hasil kerja GPB 2. Penerangan mengenai cara GPB memanfaatkan ICT untuk peningkatan kualiti kerja.	
	iii.	Saya boleh menjadi pakar rujuk / fasilitator bidang pengurusan ICT dalam Pendidikan.	Responden mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pengurusan ICT dalam pendidikan dan menjadi pakar rujuk / fasilitator.	1. Pernahkah anda teribat dalam memberikan khidmat bimbingan dan nasihat dalam bidang pengurusan ICT dalam pendidikan?		1. Surat panggilan mesyuarat / taklimat / khidmat bantu 2. Surat / Sijil Penghargaan 3. Laporan	

BIL.	INDIKATOR	SOALAN	PENERANGAN	STRATEGI PELAKSANAAN	SOALAN VERIFIKASI	DOKUMEN RUJUKAN / EVIDENS
						4. Profil GPB
		iv. Saya boleh mengurus pelbagai sumber pendidikan digital.	Responden berupaya menguruskan pelbagai format sumber pendidikan digital dengan berkesan.		<ol style="list-style-type: none"> 1. Apakah maksud sumber pendidikan digital? 2. Berikan contoh-contoh sumber pendidikan digital. 3. Bagaimanakah penggunaan sumber pendidikan digital yang pelbagai untuk menyokong pelaksanaan PdP? 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Buku Rekod Perolehan 2. Sistem automasi / OPAC 3. Laporan analisis sumber pendidikan digital sekolah 4. Pengkatalogan berpusat
		v. Saya boleh memanfaatkan pelbagai sumber pendidikan digital.	Responden berupaya menggunakan pelbagai format sumber pendidikan digital secara optimum.		<ol style="list-style-type: none"> 1. Bagaimanakah anda menggunakan pelbagai format sumber pendidikan digital dalam PdP? 2. Bagaimanakah anda membimbing rakan anda yang lain menggunakan sumber pendidikan digital yang pelbagai untuk menyokong pelaksanaan PdP? 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Rancangan pelajaran harian. 2. Penerangan mengenai pelbagai sumber pendidikan digital dalam PdP.
		vi. Saya boleh menghasilkan pelbagai sumber pendidikan menggunakan ICT.	Responden berupaya menghasilkan pelbagai bentuk sumber pendidikan menggunakan ICT bagi meningkatkan keberkesanan PdP.		<ol style="list-style-type: none"> 1. Apakah sumber pendidikan menggunakan ICT yang anda hasilkan? 2. Bagaimanakah pelbagai sumber pendidikan menggunakan ICT menyokong pelaksanaan PdP? 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sumber pendidikan menggunakan ICT yang dihasilkan oleh GPB. 2. Penerangan mengenai sumber pendidikan menggunakan ICT.
		vii. Saya boleh menghasilkan inovasi daripada pelbagai sumber pendidikan digital.	Responden berupaya menghasilkan inovasi daripada pelbagai sumber pendidikan digital bagi meningkatkan keberkesanan PdP.		<ol style="list-style-type: none"> 1. Apakah inovasi sumber pendidikan yang anda hasilkan? 2. Bagaimanakah inovasi daripada pelbagai sumber pendidikan digital menyokong pelaksanaan PdP? 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Inovasi daripada pelbagai sumber pendidikan digital yang dihasilkan oleh GPB. 2. Penerangan mengenai inovasi dalam sumber pendidikan digital.
		viii. Saya boleh meningkatkan tahap profesionalisme	Responden membaca pelbagai jenis bahan ilmiah berkaitan		<ol style="list-style-type: none"> 1. Apakah jenis bahan berkaitan ICT dalam pendidikan yang pernah 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penerangan mengenai bahan ilmiah berkaitan

BIL.	INDIKATOR	SOALAN	PENERANGAN	STRATEGI PELAKSANAAN	SOALAN VERIFIKASI	DOKUMEN RUJUKAN / EVIDENS	
			melalui pembacaan bahan-bahan ilmiah berkaitan ICT dalam Pendidikan.	ICT dalam pendidikan untuk meningkatkan tahap profesionalisme.		anda baca? 2. Bagaimanakah bahan ilmiah berkaitan ICT dalam pendidikan membantu anda meningkatkan tahap profesionalisme?	ICT dalam Pendidikan yang dibaca. 2. Rekod bacaan (Jika ada)
		ix.	Saya boleh meningkatkan tahap profesionalisme melalui penglibatan dalam badan profesional berkaitan ICT dalam Pendidikan.	Responden melibatkan diri dalam aktiviti badan profesional berkaitan ICT dalam pendidikan untuk meningkatkan tahap profesionalisme.		1. Apakah badan profesional berkaitan ICT dalam pendidikan yang anda sertai? 2. Nyatakan penglibatan anda dalam aktiviti badan profesional berkaitan ICT dalam pendidikan. 3. Bagaimanakah penglibatan dalam aktiviti badan profesional berkaitan ICT dalam pendidikan membantu anda meningkatkan tahap profesionalisme?	1. Penerangan mengenai penglibatan dalam aktiviti badan profesional berkaitan ICT dalam pendidikan. 2. Surat / Sijil Penyertaan 3. Surat / Sijil Penghargaan
		x.	Saya boleh meningkatkan tahap profesionalisme melalui penglibatan dalam forum / majlis ilmu berkaitan ICT dalam Pendidikan.	Responden melibatkan diri dalam forum / majlis ilmu berkaitan ICT dalam pendidikan untuk meningkatkan tahap profesionalisme.		1. Apakah forum / majlis ilmu berkaitan ICT dalam pendidikan yang anda sertai? 2. Nyatakan penglibatan anda dalam forum / majlis ilmu berkaitan ICT dalam pendidikan. 3. Bagaimanakah penglibatan dalam forum / majlis ilmu berkaitan ICT dalam pendidikan /membantu anda meningkatkan tahap profesionalisme?	1. Penerangan mengenai penglibatan dalam aktiviti forum / majlis ilmu berkaitan ICT dalam pendidikan. 2. Surat / Sijil Penyertaan 3. Surat / Sijil Penghargaan
		xi.	Saya boleh meningkatkan tahap profesionalisme secara kolaboratif dalam kalangan rakan sejawat dan agensi berkaitan. (Contoh: JPN, BTPN, PPD, (Contoh: JPN, BTPN, PPD, PTPB, PKG, dll.)	Responden bekerjasama dengan rakan sejawat dan agensi berkaitan untuk meningkatkan tahap profesionalisme. (Contoh: JPN, BTPN, PPD, PTPB, PKG, dll.)		1. Adakah anda berkolaborasi dengan rakan sejawat dan agensi berkaitan untuk meningkatkan tahap profesionalisme? 2. Apakah agensi yang anda berkolaborasi bersama untuk	1. Dokumentasi 2. Penerangan mengenai kolaborasi yang dilaksanakan dengan rakan sejawat dan agensi berkaitan.

BIL.	INDIKATOR	SOALAN	PENERANGAN	STRATEGI PELAKSANAAN	SOALAN VERIFIKASI	DOKUMEN RUJUKAN / EVIDENS
		PTPB, PKG, dll.)			meningkatkan tahap profesionalisme?	
6.	A13: Penglibatan dalam sesi pembangunan profesional ICT	Nyatakan bilangan sesi pembangunan profesional ICT yang anda hadiri dalam TAHUN SEMASA. A) 1 sesi B) 2 sesi C) 3 sesi D) 4 sesi E) 5 sesi dan ke atas	Bilangan sesi pembangunan profesional ICT yang dihadiri oleh responden dalam tahun semasa. (Contoh: latihan / bengkel / seminar / persidangan berkaitan ICT)	Strategi 1: GPB / GPICT menghadiri sesi pembangunan profesional ICT dan merekodkan kehadiran dalam SPL KPM. Strategi 2: Pentadbir merancang pelan pembangunan profesional ICT yang perlu dihadiri oleh GPB/GPICT dan staff sokongan.	1. Nyatakan sesi latihan / bengkel / seminar / persidangan profesional ICT yang anda hadiri dalam tahun semasa.	1. Sijil 2. Surat Jemputan 3. Rekod kehadiran latihan e-SPLG
KLUSTER B: KEPIMPINAN BERWAWASAN						
7.	B2: Pencapaian Pembestarian Sekolah dan Pelan Tindakan / Taktikal PSS	Nyatakan peratus pencapaian Pelan Tindakan / Taktikal Pembestarian Sekolah yang telah anda laksanakan dalam TAHUN SEMASA. A) 1 - 20% B) 21 - 40% C) 41 - 60% D) 61 - 80% E) 81 - 100%	Peratus pencapaian Pelan Tindakan / Taktikal Pembestarian Sekolah yang telah responden laksanakan dalam tahun semasa.	Strategi 1: GPB / GPICT merancang Pelan Tindakan / Taktikal Pembestarian Sekolah bersama pengurusan sekolah. Strategi 2: GPB / GPICT melaksanakan Pelan Tindakan / Taktikal Pembestarian Sekolah bersama jawatankuasa yang berkaitan. Strategi 3: Pentadbir memantau pencapaian Pelan Tindakan / Taktikal Pembestarian Sekolah secara berkala.	Nyatakan pencapaian Pelan Tindakan / Pelan Taktikal Pembestarian Sekolah yang telah dilaksanakan berbanding Pelan Tindakan / Pelan Taktikal Pembestarian Sekolah yang dirancang.	1. Pelan Tindakan / Pelan Taktikal Pembestarian Sekolah 2. Laporan aktiviti berdasarkan pelan 3. Laporan pencapaian

BIL.	INDIKATOR	SOALAN	PENERANGAN	STRATEGI PELAKSANAAN	SOALAN VERIFIKASI	DOKUMEN RUJUKAN / EVIDENS
8.	B10: Bilangan aktiviti / pertandingan berkaitan dengan ICT / ICT sebagai pengupaya dan PSS yang dianjurkan	Nyatakan bilangan aktiviti / pertandingan berkaitan ICT / ICT sebagai pengupaya yang anda laksanakan dalam TAHUN SEMASA. A) 1 - 2 aktiviti / pertandingan B) 3 - 4 aktiviti / pertandingan C) 5 - 6 aktiviti / pertandingan D) 7 - 8 aktiviti / pertandingan E) 9 aktiviti / pertandingan dan ke atas	Bilangan aktiviti / pertandingan berkaitan ICT / ICT sebagai pengupaya yang telah anda laksanakan dalam tahun semasa.	Strategi 1: GPB / GPICT menggunakan ICT / ICT sebagai pengupaya dalam pelaksanaan aktiviti/pertandingan. Strategi 2: GPB / GPICT menyediakan laporan aktiviti / pertandingan yang telah dilaksanakan. Strategi 3: Pentadbir menggalakkan pelaksanaan aktiviti / pertandingan berkaitan ICT / ICT sebagai pengupaya.	Apakah aktiviti / pertandingan berkaitan ICT / ICT sebagai pengupaya yang anda telah laksanakan dalam tahun semasa?	1. Pelan Tindakan / Pelan Taktikal Pembestarian Sekolah 2. Kertas kerja 3. Laporan 4. Sijil
9.	B11: Tahap aktiviti berkaitan dengan ICT / ICT sebagai pengupaya dan PSS yang dianjurkan	Nyatakan peringkat tertinggi penganjuran aktiviti pertandingan berkaitan ICT / ICT sebagai pengupaya oleh/di sekolah anda dalam TAHUN SEMASA. A) Peringkat kelas B) Peringkat sekolah C) Peringkat daerah D) Peringkat negeri E) Peringkat kebangsaan / antarabangsa	Peringkat tertinggi aktiviti berkaitan ICT / ICT sebagai pengupaya yang dilaksanakan di sekolah seperti seminar, bengkel, pertandingan dan sebagainya dalam tahun semasa	Strategi 1: GPB / GPICT menyertai / menganjurkan aktiviti-aktiviti berkaitan ICT / ICT sebagai pengupaya. Strategi 2: GPB / GPICT memupuk dan mengasah murid berminat / berbakat untuk menyertai aktiviti berkaitan ICT / ICT sebagai pengupaya. Strategi 3: Pentadbir merancang dan menyediakan persekitaraan yang kondusif supaya dapat memupuk dan mengasah minat murid.	Apakah pencapaian tertinggi penganjuran aktiviti Pembestarian Sekolah anda pada tahun ini, sama ada peringkat kelas, sekolah, daerah, negeri, kebangsaan atau antarabangsa?	1. Pelan Tindakan atau Pelan Taktikal Pembestarian Sekolah 2. Kertas kerja 3. Laporan 4. Sijil

BIL.	INDIKATOR	SOALAN	PENERANGAN	STRATEGI PELAKSANAAN	SOALAN VERIFIKASI	DOKUMEN RUJUKAN / EVIDENS
10.	B12: Agen perubahan peringkat sekolah dalam menyokong pembestarian sekolah	Nyatakan bilangan agen perubahan peringkat sekolah anda yang menyokong pelaksanaan Pembestarian Sekolah. KUMPULAN AGEN PERUBAHAN i. Duta Penggerak Digital (Briged Bestari) ii. Kelab Penggerak Digital (Kelab Komputer) iii. Pengawas ICT iv. VLE Champion v. Kelab Fotografi vi. Sidang Redaksi Majalah Sekolah vii. Jawatankuasa ICT / Pembestarian Sekolah viii. Panitia Mata Pelajaran ix. Guru Advokasi x. Lain-lain A) 1-2 daripada di atas B) 3-4 daripada di atas C) 5-6 daripada di atas D) 7-8 daripada di atas E) 9 dan ke atas	Bilangan kumpulan sokongan yang membantu pelaksanaan Pembestarian Sekolah.	Strategi 1: GPB / GPICT merancang dan melaksanakan aktiviti pengurusan perubahan melalui agen perubahan yang dilantik. Strategi 2: GPB / GPICT mengadakan sesi perkongsian pengetahuan/amalan terbaik berkaitan ICT yang menyokong pelaksanaan Pembestarian Sekolah. Strategi 3: Pentadbir menggalakkan agen perubahan bergerak secara aktif bagi meningkatkan tahap Pembestarian Sekolah.	Siapakah yang membantu anda untuk menggerakkan program Pembestarian Sekolah?	1. Carta Organisasi 2. Fail Meja 3. Laporan Kelab / Persatuan 4. Surat Panggilan Mesyuarat 5. Minit Mesyuarat
11.	B14: Pelaksanaan sesi latihan dan perkongsian ilmu berkaitan ICT dan PSS	Nyatakan kekerapan sesi latihan dan perkongsian ilmu berkaitan ICT yang dilaksanakan dalam TAHUN SEMASA. A) 1 - 2 sesi B) 3 - 4 sesi C) 5 - 6 sesi D) 7 - 8 sesi E) 9 sesi dan ke atas	Kekerapan sesi latihan dan perkongsian ilmu berkaitan ICT yang telah dilaksanakan dalam tahun semasa. Contohnya : mesyuarat PSS, mesyuarat Guru, perhimpunan pagi, LADAP, bengkel kepada Pengawas ICT / Briged Bestari / Duta Penggerak Digital / JK Pembestarian Sekolah	Strategi 1: GPB / GPICT melaksanakan sekurang-kurangnya 5-6 sesi latihan dan perkongsian ilmu berkaitan ICT dalam tahun semasa. Strategi 2: Pentadbir memastikan GPB / GPICT sekurang-kurangnya 5-6 sesi latihan dan perkongsian ilmu	1. Adakah anda melaksanakan sesi latihan atau perkongsian ilmu berkaitan ICT dalam tahun semasa? 2. Berapa kerapkah anda melaksanakan sesi latihan atau perkongsian ilmu berkaitan ICT?	1. Pelan Tindakan atau Pelan Taktikal Pembestarian Sekolah / ICT 2. Laporan aktiviti berdasarkan pelan 3. Sijil 4. e-SPLG

BIL.	INDIKATOR	SOALAN	PENERANGAN	STRATEGI PELAKSANAAN	SOALAN VERIFIKASI	DOKUMEN RUJUKAN / EVIDENS
				berkaitan ICT dalam tahun semasa.		
KLUSTER C: PERSEKITARAN KONDUSIF						
12.	C1: Penggunaan medium komunikasi digital dalam tugas harian	Nyatakan kekerapan anda menggunakan satu atau lebih medium komunikasi digital dalam tugas harian. (contoh: E-mel, WhatsApp, Telegram, Google Hangout, Facebook, WeChat, dll.) A) Sekurang-kurangnya 1 kali seminggu B) Sekurang-kurangnya 2 kali seminggu C) Sekurang-kurangnya 3 kali seminggu D) Sekurang-kurangnya 4 kali seminggu E) Setiap hari	Kekerapan responden menggunakan medium komunikasi digital dalam pelaksanaan tugas harian. (Contoh: E-mel, WhatsApp, Telegram, Google Hangouts, Facebook, WeChat dan lain-lain)	Strategi 1: GPB / GPICT mengemaskini pengetahuan berkaitan medium komunikasi digital dan menggunakannya dalam tugas harian. Strategi 2: GPB / GPICT berkongsi maklumat dan bahan PdP melalui medium komunikasi digital. Strategi 3: Pentadbir menggalakkan penggunaan medium komunikasi digital dalam tugas harian guru.	1. Apakah medium komunikasi yang anda gunakan dalam pelaksanaan tugas harian? 2. Nyatakan kekerapan penggunaan aplikasi media sosial yang biasa anda gunakan dalam seminggu.	1. Penerangan berkaitan jenis medium komunikasi yang digunakan dalam tugas harian
13.	C9: Lokasi dengan komputer / tablet di sekolah	Nyatakan lokasi yang mempunyai komputer / tablet di sekolah anda. i. Pejabat Pentadbiran ii. Bilik Guru iii. Bilik Darjah iv. Makmal Komputer v. Perpustakaan Sekolah vi. Bilik Media vii. Pusat Akses viii. Makmal Sains ix. Makmal Bahasa x. Bilik Mesyuarat xi. Kiosk Akses Pembelajaran Kendiri (SAL) xii. Bengkel xiii. Surau	Lokasi peralatan ICT yang terdapat di sekolah responden.	Strategi 1: GPB / GPICT merancang dan memastikan komputer / tablet yang disediakan berfungsi. Strategi 2: GPB / GPICT membuat aduan kepada pihak yang berkaitan sekiranya komputer/tablet tidak berfungsi. Strategi 3: Pentadbir merancang lokasi komputer / tablet bagi kegunaan	Nyatakan lokasi yang mempunyai komputer / tablet di sekolah anda.	1. Lawatan ke lokasi 2. Dokumentasi

BIL.	INDIKATOR	SOALAN	PENERANGAN	STRATEGI PELAKSANAAN	SOALAN VERIFIKASI	DOKUMEN RUJUKAN / EVIDENS
		xiv. Asrama xv. Bilik Pengawal xvi. Lain-lain		warga sekolah.		
14.	C10: Lokasi dengan internet di sekolah	Nyatakan lokasi yang mempunyai akses internet (LAN/WiFi) di sekolah anda. i. Pejabat Pentadbiran ii. Bilik Guru iii. Bilik Darjah iv. Makmal Komputer v. Perpustakaan Sekolah vi. Bilik Media vii. Pusat Akses viii. Makmal Sains ix. Makmal Bahasa x. Bilik Mesyuarat xi. Kiosk Akses Pembelajaran Kendiri (SAL) xii. Bengkel xiii. Surau xiv. Asrama xv. Bilik Pengawal xvi. Kantin xvii. Padang sekolah xviii. Lain-lain	Lokasi peralatan ICT yang mempunyai akses Internet di sekolah responden.	Strategi 1: GPB / GPICT merancang dan memastikan lokasi yang dicadangkan mempunyai akses internet (LAN/WiFi). Strategi 2: GPB / GPICT membuat aduan kepada pihak yang berkaitan sekiranya akses internet (LAN/WiFi) kurang memuaskan. Strategi 3: Pentadbir merancang lokasi yang mempunyai akses internet (LAN/WiFi) bagi kegunaan warga sekolah.	Nyatakan lokasi komputer / tablet yang mempunyai akses Internet di sekolah anda.	1. Lawatan ke lokasi 2. Dokumentasi
15.	C11: Penyebaran berkaitan Pembestarian Sekolah dan PSS	Nyatakan bentuk penyebaran berkaitan Pembestarian Sekolah yang dilaksanakan di sekolah anda. i. Taklimat ii. Ceramah iii. Mesyuarat iv. Poster v. Banner / Bunting vi. Pamphlet vii. Pengumuman di perhimpunan viii. Edaran Bercetak ix. Papan Kenyataan x. Perkongsian maklumat di portal /	Bentuk penyebaran berkaitan Pembestarian Sekolah yang dilaksanakan di sekolah responden.	Strategi 1: GPB / GPICT mengurus dan menyelaras penyebaran berkaitan Pembestarian Sekolah. Strategi 2: Pentadbir memantau penyebaran berkaitan Pembestarian Sekolah.	Senaraikan bentuk penyebaran berkaitan Pembestarian Sekolah yang dilaksanakan di sekolah anda.	1. Pemerhatian 2. Evidens fizikal 3. Laporan 4. Minit mesyuarat

BIL.	INDIKATOR	SOALAN	PENERANGAN	STRATEGI PELAKSANAAN	SOALAN VERIFIKASI	DOKUMEN RUJUKAN / EVIDENS
		dashboard sekolah xi. Paparan Elektronik xii. Laman Web Sekolah xiii. Media Sosial xiv. Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) xv. Pameran xvi. Lain-lain				
16.	C12: Pelaksanaan aktiviti kesedaran keselamatan siber	Nyatakan bilangan aktiviti kesedaran keselamatan siber yang dilaksanakan di sekolah anda dalam TAHUN SEMASA. A) 1 aktiviti B) 2 aktiviti C) 3 aktiviti D) 4 aktiviti E) 5 aktiviti dan ke atas	Bilangan aktiviti berkaitan kesedaran keselamatan siber yang dilaksanakan di sekolah responden.	Strategi 1: GPB / GPICT merancang, mengurus dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti kesedaran keselamatan siber. Strategi 2: Pentadbir memantau pelaksanaan aktiviti kesedaran keselamatan siber.	Senaraikan aktiviti kesedaran keselamatan siber yang dilaksanakan di sekolah anda dalam tahun semasa.	1. Perancangan aktiviti 2. Laporan 3. Dokumentasi
17.	C12: Pelaksanaan aktiviti kesedaran keselamatan siber	Nyatakan bentuk penyebaran berkaitan kesedaran keselamatan siber yang dilaksanakan di sekolah anda dalam TAHUN SEMASA. i. Taklimat ii. Ceramah iii. Mesyuarat iv. Poster v. Banner / Bunting vi. Pamphlet vii. Pengumuman di perhimpunan viii. Edaran Bercetak ix. Papan Kenyataan x. Perkongsian maklumat di portal / dashboard sekolah xi. Paparan Elektronik xii. Laman Web Sekolah xiii. Media Sosial xiv. Khidmat Pesanan Ringkas	Bentuk penyebaran berkaitan kesedaran keselamatan siber yang dilaksanakan di sekolah responden.	Strategi 1: GPB / GPICT mengurus dan menyelaraskan penyebaran berkaitan kesedaran keselamatan siber. Strategi 2: Pentadbir memantau penyebaran berkaitan kesedaran keselamatan siber.	Senaraikan bentuk penyebaran berkaitan kesedaran keselamatan siber yang dilaksanakan di sekolah anda.	1. Pemerhatian 2. Evidens fizikal 3. Laporan 4. Minit mesyuarat

BIL.	INDIKATOR	SOALAN	PENERANGAN	STRATEGI PELAKSANAAN	SOALAN VERIFIKASI	DOKUMEN RUJUKAN / EVIDENS
		(SMS) xv. Pameran				
18.	C13: Kumpulan sasaran yang bekerjasama untuk meningkatkan kualiti Pembestarian Sekolah DAN PSS	Nyatakan bilangan kumpulan sasaran yang bekerjasama dengan sekolah anda dalam meningkatkan kualiti Pembestarian Sekolah. A) 1 kumpulan sasaran B) 2 kumpulan sasaran C) 3 kumpulan sasaran D) 4 kumpulan sasaran E) 5 kumpulan sasaran dan ke atas	Bilangan kumpulan sasaran yang bekerjasama dengan sekolah anda untuk meningkatkan kualiti Pembestarian Sekolah. (Contoh: Ibu bapa, masyarakat, sektor swasta, agensi kerajaan (KPM atau bukan KPM), entiti antarabangsa dll.)	Strategi 1: GPB / GPICT bekerjasama dengan kumpulan sasaran dalam meningkatkan kualiti Pembestarian Sekolah. Strategi 2: Pentadbir merancang sesi kerjasama dengan pihak berkepentingan bagi meningkatkan kualiti Pembestarian Sekolah.	1. Nyatakan bilangan kumpulan sasaran yang bekerjasama dengan sekolah anda untuk meningkatkan kualiti Pembestarian Sekolah. 2. Apakah bentuk sumbangan kumpulan sasaran dalam kerjasama ini?	1. Laporan / dokumentasi program 2. Penerangan berkaitan kumpulan sasaran yang bekerjasama dengan sekolah anda untuk meningkatkan kualiti Pembestarian Sekolah.
19.	C14: Jangkamasa aduan dibuat selepas gangguan capaian aplikasi KPM	Nyatakan tempoh jangkamasa aduan yang sekolah anda buat selepas gangguan capaian aplikasi KPM. A) Lebih daripada 6 jam B) 5 - 6 jam C) 3 - 4 jam D) 1 - 2 jam E) Kurang daripada 1 jam	Kekerapan aduan gangguan capaian aplikasi KPM yang dibuat oleh sekolah responden.	Strategi 1: GPB / GPICT mengambil tindakan segera terhadap gangguan capaian aplikasi KPM.	Berapa lamakah masa yang diambil untuk membuat aduan capaian Internet?	1. Dokumentasi 2. Rekod aduan
20.	C15: Kekerapan gangguan capaian Internet (downtime) dalam seminggu	Nyatakan kekerapan gangguan capaian internet (downtime) di sekolah anda dalam SEMINGGU. A) Lebih 7 kali B) 5 - 6 kali C) 3 - 4 kali D) 1 - 2 kali E) Tiada gangguan	Kekerapan gangguan akses internet di sekolah.	Strategi 1: GPB / GPICT memantau kelancaran capaian internet di sekolah secara berkala.	Apakah kekerapan gangguan akses Internet di sekolah anda? Bagaimanakah anda menangani masalah ini?	1. Dokumentasi 2. Rekod aduan 3. Speedtest

-TAMAT-